



## **JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

### **1. PENDAHULUAN**

Solat Jumaat adalah fardhu ain ke atas setiap mukallaf iaitu orang yang telah dipertanggungjawabkan menurut Syara' di sisi mazhab Syafie' melainkan adanya keuzuran atau i'llah yang dibenarkan oleh Syara' untuk tidak melaksanakan kefardhuan tersebut.

Bagi surau yang ingin melaksanakan Solat Jumaat, Pengerusi Jawatankuasa Surau hendaklah mendapatkan kebenaran kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah masing-masing sebelum hari pelaksanaan Solat Jumaat tersebut.

### **2. TUJUAN**

Garis panduan pelaksanaan solat Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 ini disediakan adalah sebagai panduan kepada masyarakat dalam negeri Perak untuk menunaikan ibadah tersebut dalam tempoh PKPP akibat penularan COVID-19.

### **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.
- 3.2 Mengatur masyarakat agar mematuhi arahan PKPP COVID-19 bagi menunaikan solat Jumaat.
- 3.3 Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli Jemaah surau.

### **4. PANDUAN SOLAT JUMAAT DI SURAU DALAM TEMPOH PKPP**

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan PKPP dan dengan meraikan nasihat keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak (JKN) serta cadangan dan hasrat masyarakat untuk menunaikan solat Jumaat, berikut merupakan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat Sepanjang Tempoh PKPP.

#### *4.1 Kategori surau*

4.1.1 Surau yang dibenarkan untuk solat jumaat adalah:-

- i. Surau yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
- ii. Surau di Institusi Pendidikan
- iii. Surau di Kem Tentera
- iv. Surau PDRM
- v. Surau Jabatan dan Pejabat-pejabat Kerajaan

Ke semua surau-surau yang disenaraikan di atas hendaklah mempunyai ruang keluasan solat yang sesuai serta berupaya memenuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Negeri.

#### *4.2 Bilangan Jemaah*

Bilangan ahli solat jumaat (ahlu jumuah) di surau-surau berkaitan ialah berasaskan had kapasiti keluasan sebenar ruang utama dewan solat yang menetapkan penjarakan satu meter di antara jemaah. Had minima jumlah jemaah pada satu waktu solat adalah 40 orang. Ahli Jemaah juga terdiri dari kalangan warganegara Malaysia sahaja.

#### *4.3 Kebenaran Menunaikan Solat*

Kebenaran menunaikan solat Jumaat ini hanyalah dalam tempoh PKPP Covid-19 sahaja.

#### *4.4 Tempat*

4.4.1 Solat Jumaat dilaksanakan di ruang utama dewan solat surau yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) termasuk surau-surau di institusi pendidikan, kem tentera, Surau PDRM, surau jabatan dan pejabat-pejabat kerajaan.

4.4.2 Jawatankuasa Surau bolehlah menentukan ruang solat yang lain jika ruang utama dewan solat tidak dapat menampung bilangan jemaah 40 orang. Pihak Jawatankuasa hendaklah mengamalkan penjarakan fizikal dan mengekalkan bilangan jemaah seramai 40 orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa dan Imam, Bilal dan Siak.

## 5. KAEDAH PELAKSANAAN

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
i.	SEBELUM SOLAT	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran jemaah.</li><li>2. Memaparkan Kod QR MySejahtera di papan kenyataan dan pintu masuk surau. Link pendaftaran untuk mendaftarkan MySejahtera adalah <a href="https://mysejahtera.malaysia.gov.my/intro/">https://mysejahtera.malaysia.gov.my/intro/</a></li><li>3. Selain MySejahtera, pihak jawatankuasa juga boleh menyediakan apa-apa kaedah bagi tujuan merekod kehadiran.</li><li>4. Memastikan jemaah yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius ke atas tidak dibenarkan menunaikan solat surau.</li><li>5. Memastikan semua jemaah yang hadir memakai penutup hidung dan mulut (<i>face mask</i>).</li></ol>	PENGURUSAN SURAU

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
i.	SEBELUM SOLAT	<p>6. Memastikan tiada jemaah yang berumur 70 tahun ke atas melaksanakan solat Jumaat kecuali sihat dan kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah tidak dibenarkan hadir berjemaah.</p> <p>7. Memastikan jemaah bebas dari simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya serta tidak menghidap penyakit berisiko seperti kencing manis, sakit jantung, darah tinggi dan lain-lain.</p> <p>8. Menyemak kad pengenalan jemaah dan memastikan jemaah yang dipilih menulis nama dan no telefon pada buku rekod yang disediakan bagi tujuan perekodan sebelum masuk ke ruang solat.</p> <p>9. Saf solat Jumaat disusun berdasarkan jarak penjarakan fizikal iaitu sekurang-kurangnya satu (1) meter yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu.</p> <p>10. Ditandakan tanda pandu arah masuk dan keluar.</p>	PENGURUSAN SURAU

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
i.	<p><b>SEBELUM SOLAT</b></p>	<p>11. Memberi taklimat tentang tatacara solat Jumaat sepanjang tempoh PKPP sebelum solat dilaksanakan.</p> <p>12. Hanya ruang solat sahaja dibuka, manakala ruangan lain hendaklah ditutup.</p> <p>13. Hanya satu pintu masuk dan beberapa pintu keluar dibenarkan dibuka mengikut kesesuaian dengan kawalan pengawal keselamatan / Jawatankuasa Surau / RELA bagi mengawal laluan.</p> <p>14. Pintu pagar surau dibuka 1 jam sebelum masuk waktu solat Jumaat dan ditutup selepas doa azan kedua.</p> <p>15. Memastikan penggunaan tandas dihadkan mengikut keperluan.</p> <p>16. Solat Sunat Qabliah dibenarkan.</p> <p>17. Tidak membenarkan jemaah yang masih dalam tempoh PUI dan PUS COVID-19 untuk solat Jumaat.</p>	<p><b>PENGURUSAN SURAU</b></p>

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
i.	<b>SEBELUM SOLAT</b>	<p>18. Melantik dari kalangan Jawatankuasa Surau sebagai petugas bagi memastikan semua arahan dipatuhi.</p> <p>19. Memastikan aliran pengudaraan di dalam ruang solat dengan membuka semua jendela dan menggunakan kipas angin.</p>	<b>PENGURUSAN SURAU</b>
ii.	<b>SEBELUM SOLAT</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada jemaah yang berumur 70 tahun ke atas melaksanakan solat Jumaat kecuali sihat dan kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah tidak dibenarkan hadir berjemaah.</li> <li>2. Jemaah digalakkan menggunakan aplikasi <i>MySejahtera</i> yang boleh dimuat turun melalui <i>Play Store</i> atau <i>App Store</i>.</li> <li>3. Diwajibkan membawa kad pengenalan untuk diperiksa oleh pengurusan surau sebelum memasuki ruang solat.</li> <li>4. Bebas dari simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya serta tidak menghidap penyakit berisiko seperti kencing manis, sakit jantung, darah tinggi dan lain-lain.</li> </ol>	<b>JEMAAH</b>

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
ii.	<b>SEBELUM SOLAT</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. Mengambil wuduk dari rumah sebelum hadir ke surau.</li> <li>6. Membawa sejadah sendiri dari rumah.</li> <li>7. Jemaah yang bertongkat, berkerusi roda dan mempunyai masalah pergerakan tidak dibenarkan hadir.</li> <li>8. Hendaklah hadir dalam tempoh 1 jam sebelum azan dilaungkan kerana pintu pagar dan pintu surau akan dikunci selepas doa azan kedua.</li> <li>9. Tiada amalan bersalaman dan berpelukan.</li> <li>10. Solat Sunat Qabliyah dibenarkan.</li> <li>11. Jemaah yang ingin membaca al-Quran, hendaklah membawa mushaf sendiri atau membacanya dari gajet sendiri.</li> <li>12. Tiada sebarang perkumpulan dibenarkan.</li> </ol>	<b>JEMAAH</b>
iii.	<b>SEBELUM SOLAT</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hendaklah membawa sejadah sendiri.</li> <li>2. Mengambil wuduk dari rumah sebelum hadir ke surau.</li> </ol>	<b>IMAM, BILAL DAN KHATIB</b>



BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
iv.	<b>SELEPAS SOLAT</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan jemaah bersurai dalam keadaan tenang.</li> <li>2. Memastikan jemaah tidak berpusu-pusu di pintu surau ketika keluar.</li> <li>3. Memastikan tiada perkumpulan dibenarkan selesai solat Jumaat sama ada di dalam atau di luar surau.</li> <li>4. Hendaklah membuat rondaan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan surau untuk memastikan tiada jemaah yang berkumpul.</li> <li>5. Memastikan penjarakan fizikal semasa di pintu dan tidak digalakan memegang pintu atau pagar.</li> <li>6. Memastikan bilangan pegawai sekuriti atau Jawatankuasa Surau yang cukup bagi mengawal dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.</li> <li>7. Memastikan pintu surau dan pintu pagar dikunci segera selepas selesai solat.</li> </ol>	<b>PENGURUSAN SURAU</b>


BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
v.	<b>SELEPAS SOLAT</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Solat Sunat Ba'diyah dibenarkan.</li> <li>2. Bersurai dalam keadaan tenang melalui pintu keluar yang ditetapkan sambil mematuhi penjarakan fizikal.</li> <li>3. Tidak bersalaman sepanjang berada di surau.</li> <li>4. Hendaklah terus pulang dan tidak berkumpul di luar setelah selesai solat.</li> <li>5. Amalan iktikaf selepas Solat Jumaat adalah tidak dibenarkan.</li> </ol>	<b>JEMAAH</b>
vi.	<b>AZAN DAN KHUTBAH</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Khatib mengambil tempat sejeurus setelah selesai azan pertama dan azan kedua terus dilaungkan.</li> <li>2. Khutbah pertama dan kedua dibacakan selama maksima 10 minit seperti yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak.</li> <li>3. Bacaan teks khutbah dipendekkan dan diringkas sebaik mungkin dengan menjaga rukun khutbah.</li> </ol>	<b>BILAL DAN KHATIB</b>
vii.	<b>SOLAT, ZIKIR DAN DOA</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Solat Jumaat dilakukan selama 7 minit mengikut kewajaran.</li> <li>2. Imam hendaklah membaca surah atau ayat yang pendek.</li> </ol>	<b>IMAM</b>

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
vii.	<b>SOLAT, ZIKIR DAN DOA</b>	3. Bacaan wirid, zikir dan doa diteruskan seperti kebiasaan.	<b>IMAM</b>
viii.	<b>TABUNG SURAU</b>	1. Penggunaan tabung bergerak di dalam surau adalah tidak dibenarkan.  2. Bagi jemaah yang ingin menderma, hendaklah menggunakan tabung yang ditentukan oleh pihak surau.	<b>PENGURUSAN SURAN DAN JEMAAH</b>
ix.	<b>NYAH KUMAN</b>	Surau hendaklah melaksanakan aktiviti nyah kuman sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan.	<b>PENGURUSAN SURAU</b>

## 6. PENUTUP

Jawatankuasa Surau hendaklah bertanggungjawab terhadap kebenaran pelaksanaan solat Jumaat yang diberikan dan hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan.

DIKELUARKAN OLEH:



**DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN**

**PENGARAH**

**JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**

**08 JULAI 2020**